

# **Kesan Remaja Melepak**

## **(part 1)**

**Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya**

Isu remaja melepak bukanlah satu isu yang baru dewasa ini, malah ia dilihat semakin menular di kalangan remaja terutamanya remaja berbangsa melayu. Ekoran gejala melepak yang semakin meluas di kalangan remaja, pelbagai kesan dan akibat telah dapat dikenalpasti. Seringkali dilihat di dada akhbar dan media massa tentang masalah yang semakin kritikal ini. Justeru itu, ia perlu diambil berat supaya masalah ini dapat dibendung dengan segera memandangkan ia telah menjadi satu budaya di kalangan remaja.

Salah satu kesan yang berlaku terhadap remaja yang terlibat dengan aktiviti melepak ialah tekanan emosi. Untuk mengimbangi perubahan yang berlaku dalam diri remaja, mereka sering berhadapan dengan masalah dan konflik. Akibatnya, berlakulah ketegangan dan tekanan emosi dalam diri remaja. Apabila remaja cenderung untuk melepak bersama rakan-rakan, tahap konsentrasi mereka terhadap akademik akan menurun ekoran tindakan mereka yang ponteng sekolah. Masa yang sepatutnya digunakan untuk menimba ilmu di sekolah dihabiskan dengan melepak di pusat membeli belah atau di tepi-tepi jalan. Mereka menjadi lupa tanggungjawab yang perlu dipikul sebagai seorang pelajar. Kesannya, pencapaian akademik mereka merosot dan mereka akan tergolong di dalam golongan pelajar-pelajar yang lemah.

Apabila remaja terpengaruh dengan rakan-rakan untuk melepak, mereka akan cenderung untuk melakukan aktiviti-aktiviti lain yang tidak bermoral. Sebagai contoh, budaya melepak akan menyebabkan tercetusnya aktiviti merokok, pergaulan bebas dan vandalisme. Aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini lama-kelamaan akan menjadi satu budaya yang sukar untuk dibendung kerana semakin ramai remaja yang akan terpengaruh dengan rakan-rakan mereka. Akibat dari tekanan yang dialami, remaja mungkin menunjukkan sikap yang agresif, mudah memberontak, marah yang tidak dapat dikawal, kemurungan dan terlibat dengan masalah sosial bagi melepaskan rasa tertekan.